

KUTKM mahu capai MS ISO 9000: 2000

Archival News | Berita Harian | 20/12/2003 | Author: Shukor Kasim

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) meletakkan sasaran penghujung 2004 atau selewat-lewatnya awal 2005 untuk memperoleh pengiktirafan MS ISO 9000:2000.

Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat berkenaan tercapai, KUTKM sudah menubuhkan Bahagian Jaminan Kualiti dan Akreditasi (BJKA) sejak 1 Jun lalu selain melantik SIRIM sebagai perunding bagi membantu pelaksanaannya.

Pengarah BJKA, Prof Dr Mokhtar Mohd Yusof, berkata aspek Jaminan Kualiti bakal dilaksanakan adalah berasaskan Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam, Bil 2 Tahun 2002: Garis Panduan bagi melaksanakan MS ISO 9000:2000 Dalam Perkhidmatan Awam.

Beliau berkata, selain itu ia juga berasas kepada surat MAMPU Bil UPTM 159/247/51 bertarikh 24 Mei 2003 yang membenarkan agensi kerajaan melantik perunding bagi membantu pelaksanaannya.

Sementara fungsi Akreditasi adalah membabitkan usaha memperoleh pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan badan iktisas bagi setiap program ijazah dan diploma di KUTKM.

"Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti ISO 90000 berjalan lancar, beberapa jawatankuasa ditubuhkan iaitu Majlis Kualiti, Pemandu Sistem Kualiti ISO 9000 serta lima jawatankuasa kerja iaitu pelaksanaan, dokumentasi, kempen dan promosi, audit serta latihan.

"Dua jawatankuasa di bawah Akreditasi turut diwujudkan iaitu jawatankuasa pemandu serta jawatankuasa kerja pengiktirafan ijazah peringkat fakulti," katanya.

Mokhtar berkata, Jaminan Kualiti berfungsi memastikan pembudayaan kualiti menyeluruh diterap dan dihayati sepenuhnya warga KUTKM.

"Misi Akreditasi adalah untuk memastikan tahap kualiti kurikulum mematuhi piawaian dan mendapat pengiktirafan JPA, badan iktisas serta antarabangsa," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihak pengurusan berterima kasih kepada Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani kerana mencetus dan memberi perangsang agar usaha ini menjadi kenyataan.

(END) Source : Berita Harian